

BANDAR MUADZAM SHAH, 6 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERIDR MAHATHIR MOHAMAD HARIINI BERKATA MASIH ADA PIHAK YANG TIDAK BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN ATAS KEJAYAANNYA MEMBAWA KELUAR RAKYAT MALAYSIA, YANG TERKANDAS DI KUWAIT DAN IRAQ BERIKUTAN KRISIS TELUK.

PERDANA MENTERI BERKATA, MEREKA PATUT MELIHAT APA YANG RAKYAT LAIN ALAMI DALAM USAHA MEREKA UNTUK KELUAR DENGAN SELAMAT DARI KEDUA-DUA NEGARA TERSEBUT EKORAN PENAKLUKAN IRAK KE ATAS KUWAIT PADA 2 OGOS LEPAS.

SAMBIL MERUJUK KEPADA SATU SURAT PEMBACA KEPADA PENGARANG YANG DITERBITKAN DALAM SEBUAH AKHBAR TEMPATAN HARI INI, BELIAU BERKATA MEREKA (PEMBACA BERKENAAN) MASIH TIDAK PUAS HATS DENGAN USAHA KERAJAAN ITU.

DALAM LAPORAN-LAPORAN AKHBAR HARI INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR PADA PERJUMPAAN DENGAN MASYARAKAT ORANG ASLI DI RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA (RPS) KEDAİK, KIRA-KIRA 20 KM DARI SINI, PELARIAN-PELARIAN DARI INDIA, BANGLADESH, MESIR DILAPORKAN TELAH MENGALAMI PELBAGAI MASALAH KETIKA HENDAK KELUAR MENYELAMATKAN DIRI DARI KEDUA-DUA NEGARA BERKENAAN.

MEREKA DILAPORKAN TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT TIDUR DAN TERDAMPAR DI ATAS PADANG PASIR TANPA SEBARANG KEMUDAHAN DAN BEREBut-REBUT SERTA BERKELAHI UNTUK HENDAPKAN SEDIKIT ROTI. -- LAGI
1523MST 06 09 90

R 8710 AAB
MAHATHIR - KUWAIT 2 BANDAR MUADZAM SHAH

SEBALIKNYA, RAKYAT MALAYSIA YANG DISELAMATKAN ITU TIDAK MENGALAMI KESUKARAW TERSEBUT, TAMBAH BELIAU.

DALAM SURAT ITU, PEMBACA BERKENAAN YANG MENAMAKAN DIRI MEREKA +CONCERNED+, YANG MENOAKWA MEWAKILI TUJUH YANG LAIN, ANTARA LAIN MENYEBUT MEREKA MASIH BERPENDAPAT WISMA PUTRA BELUM BERKESAN DALAM MENGENDALIKAN SOAL HUBUNGAN AWAM.

PERDANA MENTERI BERKATA, TINDAKAN PIHAK YANG TIDAK BERTERIMA KASIH ITU, MENUNJUKKAN RAKYAT DI NEGARA INI BEGITU MUDAH MENERIMA SESUATU FAEDAH HINGGA TERLUPA UNTUK MENGUCAPKAN TERIMA KASIH.

WAKIL ORANG ASLI, YANG MEWAKILI KIRA-KIRA 6,000 RAKANNYA YANG LAIN PADA PERJUMPAAN ITU, BATIN SULIM PANGLIMA SENG BERKATA, MASYARAKAT ORANG ASLI PERCAYA DENGAN KEIKHLASAN KERAJAAN PIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR DAN BERHARAP KERAJAAN BELIAU AKAN TERUS MENINGKATKAN PEMBANGUNAN ORANG ASLI, TERUTAMA DI KAWASAN-KAWASAN TERPENCIL DI NEGARA INI.

BATINSULIM SETERUSNYA BERIKRAR UNTUK TERUS MENYOKONG PERDANA MENTERI SERTA BERJANJI BAHAWA ORANG ASLI AKAN MENGAMBIL LANGKAH CERGAS DALAM PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN KERAJAAN DEMI KEMAKMURAN ORANG ASLI KHASNYA DAN NEGARA AMNYA. -- LAGI
1535MST 06 09 90

R B711 AAB
MAHATHIR - KUWAIT 3 BANDAR MUADZAM SHAH

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMED ALIDISAMBUT DENGAN TRADISI ORANG ASLI SETIBANYA MEREKA DENGAN HELIKOPTER DI PADANG KEDAİK, DISINI.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MEMERIKSA PERBARISAN YANG TERDIRI DARIPADA 193 ORANG ASLI DALAM PASUKAN POLISHUTAN DAN RELA YANG DIKETUAI OLEH PENOLONG PENGUASA POLIS UDA NAGUB, DIIRINGI DENGAN MUZIK TRADISI MASYARAKAT KAUM ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MENYAMPAIKAN +TONGKAT KUASA+ KEPADA LAPAN WAKIL BATIN-BATINDARI NEGERI-NEGERI YANG MEMPUNYAI MASYARAKAT ORANG ASLI, DIKETUAI OLEH BATINSULIM.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR PAHANG TAN SRI KHALIL YAAKOB, MENTERI PENGANGKUTAN DATUK SERIDR LING LIONG SIK, MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS DATUK SERIS. SAMY VELLU, MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK SERI DR LIM KHENG YEIK, MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT SERTA MENTERI SUMBER MANUSLA DATUK LIM AH LEK.

PADA PERJUMPAAN YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 9,000 ORANG ITU TURUT DISAJIKAN PERTUNJUKAN PAYUNG TERJUN OLEH POLIS DIRAJA MALAYSIA DAN KELAB PAYUNG TERJUN WILAYAH PERSEKUTUAN. -- BERNAMA